

tindakan Malik itu dengan isyarat yang paling indah dan ibarat yang paling ringkas. Caranya ialah mula-mula sekali beliau mengemukakan riwayat Malik yang borong dan samar. Riwayat itu kemudiannya disusuli dengan riwayat Malik yang terang (المفسر) dan yang dapat dijadikan sebagai penentu (المعين).

⁹⁶¹ Tujuan Bukhari di sebalik mengemukakan hadits 518 dan 517 sebelumnya ialah untuk membuktikan waktu kebiasaan Rasulullah s.a.w. bersembahyang 'Ashar. Jelas sekali daripada hadits-hadits tersebut, Baginda s.a.w. mengerjakannya betul-betul di awal waktu. Ketika bayang sesuatu baru sama panjang dengannya. Kalau tidak, mana mungkin seseorang yang selesai bersembahyang bersama Rasulullah s.a.w. di masjid Baginda, dapat sampai ke kawasan al-'Awaali yang jauhnya kira-kira empat batu atau lebih lagi dari itu dalam keadaan matahari masih lagi tinggi dan hidup (panas, cerah dan bersinar-sinar).

⁹⁶² Tajuk bab ini telah menarik perhatian para pensyarah Sahih Bukhari membincangkan sekurang-kurangnya tentang empat kemusykilan berikut ini: (1) Imam Bukhari membuat bab 96 dan seterusnya membuat pula bab 97. Maksud kedua-duanya kelihatan lebih kurang sama saja. Bukankah dengan begitu berlakulah pengulangan ma'na tajuk bab yang bertentangan dengan iltizam Bukhari? (2) Apakah erti فوات (terlepas) yang sebenarnya dimaksudkan oleh Bukhari di sini? (3) Apakah erti إثم yang tersebut di dalam tajuk bab di atas? (4) Adakah orang yang terlepas sembahyang-sembahyang yang lain juga berdosa seperti orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dan akan menerima akibat yang sama? **Berhubung dengan perkara (1)**, di sana terdapat empat pendapat 'ulama' yang cuba merungkaikannya. (a) Sesetengah 'ulama' seperti Hafiz Ibnu Hajar dan al-'Aini berpendapat kedua-dua tajuk bab itu tidak sama daripada segi tajuk 96 bererti melewati sembahyang 'Ashar daripada waktu harusnya tanpa sebarang keuzuran. Sedangkan tajuk 97 pula bererti meninggalkan terus sembahyang 'Ashar dalam waktunya. Walaupun kemudiannya diqadha'kan. (b) Ada juga berpendapat, tajuk 96 lebih menunjukkan sembahyang 'Ashar yang terlepas dengan terlupa atau tidak dengan sengaja. Inilah yang difahami Imam Tirmizi daripada hadits di bawah tajuk 96. Kerana itu beliau meletakkannya di bawah tajuk: بَابُ مَا جَاءَ فِي السُّنَنِ عَنْ وَقْتِ صَلَاةِ الْعَصْرِ (Bab Hadits Berkenaan Dengan Terlupa Bersembahyang 'Ashar Dalam Waktunya) di dalam Jaami'nya. Sementara tajuk 97 pula menunjukkan sembahyang 'Ashar yang terlepas dengan sengaja atau dengan kata lain sembahyang 'Ashar yang ditinggalkan dengan sengaja. (c) Kedua-dua tajuk itu sebenarnya membawa maksud yang sama iaitu dosa atau akibat yang diterima orang yang meninggalkan sembahyang 'Ashar. Imam Bukhari memisahkannya menjadi dua tajuk yang berasingan tidak kerana lain melainkan semata-mata untuk menjaga lafaz dua riwayat yang berbeza seperti dikemukakannya di bawah tajuk 96 dan 97. Ini adalah pendapat Syaikh Zakariya. (d) Bagi penulis, apa yang difahami Bukhari daripada hadits di bawah tajuk bab ini ialah orang yang berdosa dan akan menyesal sangat di akhirat nanti antaranya ialah orang-orang yang bersembahyang 'Ashar di akhir waktu sebagai suatu kebiasaan. Di samping itu, bersembahyang 'Ashar di waktu afdhal dan mustahabnya, seolah-olah tidak dianggapnya afdhal dan mustahab lagi. Inilah penyelesaian yang paling sesuai untuk tajuk bab 96 di atas. Dosa orang yang tersebut di dalam hadits di bawah tajuk bab ini ialah kerana melanggar sunnah Nabi s.a.w. Akibat atau kerugian daripada perbuatan itu akan diterima pelakunya di akhirat nanti. Itulah yang akan membuatnya sangat-sangat menyesal. **Jawapan (a) dan (b) tidak memuaskan kerana dua sebab.** (i) Dengan adanya keuzuran, bukankah tidak berdosa melewati sembahyang 'Ashar walaupun sampai ke penghujung waktunya? Apa ertinya menghadkan tidak berdosa itu setakat waktu harusnya? Adapun selepasnya tetap berdosa, walaupun ada keuzuran?!

Bukankah Rasulullah s.a.w. ada bersabda: مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصُّبْحِ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ وَمَنْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصْرَ Bermaksud: Sesiapa sempat mendapat satu ruku' daripada sembahyang Subuh sebelum matahari terbit bererti dia telah mendapat sembahyang Subuh itu (sebagai tunai). Dan sesiapa sempat mendapat satu ruku' daripada sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam, bererti dia telah mendapat sembahyang 'Ashar itu (sebagai tunai). (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Bukhari, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Ibnu Majah dan lain-lain). Lebih terang lagi daripada itu, Rasulullah s.a.w. telah bersabda: مَنْ صَلَّى رَكْعَةً مِنَ صَلَاةِ الصُّبْحِ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَلَمْ تَقْتَهُ Bermaksud: Sesiapa sempat bersembahyang satu ruku' daripada sembahyang Subuh sebelum matahari terbit bererti sembahyang Subuh itu tidak terlepas daripadanya (dia masih dikira bersembahyang Subuh secara tunai). Dan sesiapa sempat mendapat satu ruku' daripada sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam, bererti sembahyang 'Ashar itu tidak terlepas daripadanya (dia masih dikira bersembahyang 'Ashar secara tunai). (Hadits riwayat Ahmad, Abu 'Awaanah, al-Bazzaar dan Abu Daud at-Thayaalisi). Kalau sempat bersembahyang satu ruku' sahaja daripada sembahyang Subuh atau 'Ashar, masih dikira seseorang itu bersembahyang secara tunai dalam waktunya. Itu pula dilakukan dengan sebab ada sesuatu keuzuran. Kenapa anda berani berkata orang yang tidak sempat bersembahyang 'Ashar pada waktu harusnya tanpa sebarang keuzuran itu bererti telah terlepas sembahyang 'Asharnya. Maka berdosa dia. Sedangkan Rasulullah sendiri mengatakan orang yang sempat mendapat satu ruku' sahaja daripada sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam, bererti sembahyang 'Ashar itu tidak terlepas daripadanya?! Kenapa pula dia berdosa?? (ii) Apa ertinya pula berdosa apabila melakukan sesuatu dengan tidak sengaja? Bukankah Rasulullah s.a.w. telah bersabda: إِنَّ اللَّهَ تَجَاوَزَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ وَالنِّسْيَانَ وَمَا اسْتَكْرَهُوا عَلَيْهِ Bermaksud: Sesungguhnya Allah mema'afkan umatku kerana (mereka) tersalah, terlupa dan terpaksa. (Hadits riwayat Ibnu Majah, at-Thabaraani, ad-Daraquthni, al-Haakim dan al-Baihaqi). Hadits ini menunjukkan sesuatu perbuatan yang dilakukan seseorang secara tidak sengaja itu tidak dikira Allah sebagai dosa. Jawapan (c) juga kurang memuaskan. Bukankah orang yang tertinggal atau terlepas sembahyang 'Ashar dengan tidak sengaja itu tidak berdosa seperti orang yang meninggalkannya dengan sengaja? Kalau begitu kenapa pula Bukhari mengatakan orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dengan tidak disengajakan juga berdosa seperti orang yang meninggalkannya dengan sengaja? Apa alasan yang membuatkan kedua-duanya dikira sama?? **Kemuskilan kedua ialah apakah erti فوات (terlepas)** yang sebenarnya dimaksudkan oleh Bukhari di sini? Para 'ulama' berbeda pendapat tentang erti فوات العَصْر (terlepas sembahyang 'Ashar) yang tersebut di dalam hadits ini. Berikut dikemukakan beberapa daripadanya. (1) Malik, Ibnu Wahab dan Ibnu Naafi' berpendapat, orang yang tidak bersembahyang 'Ashar pada waktunya yang terpilih, itulah orang yang terlepas sembahyang 'Ashar. (2) Al-Ashili, Sahnun, Ibnu 'Abdil Barr dan lain-lain berpendapat, orang yang terlepas sembahyang 'Ashar ialah orang yang tidak sempat bersembahyang 'Ashar sehingga matahari terbenam. (3) Ada juga 'ulama' berpendapat, orang yang terlepas sembahyang 'Ashar ialah orang yang tidak sempat bersembahyang 'Ashar sebelum matahari menguning. Terlepas dengan tafsiran ini ada tersebut di dalam riwayat al-Auzaa'i yang dikemukakan oleh Abu Daud dan lain-lain. Kata beliau: وَذَلِكَ أَنْ تَرَى مَا عَلَى الْأَرْضِ مِنَ الشَّمْسِ صَفْرَاءَ (Waktu terlepasnya ialah apabila engkau nampak sesuatu yang terkena cahaya matahari menjadi kuning). (4) Hafiz Ibnu Hajar dan al-'Aini berpendapat, orang yang terlepas sembahyang 'Ashar ialah orang yang melewati sembahyang 'Ashar daripada waktu harusnya tanpa sebarang keuzuran. (5) Abu 'Abdillah al-Muhallab bin Abi Shufrah berpendapat, orang yang terlepas sembahyang 'Ashar ialah orang yang tidak menunaikannya dengan berjama'ah. Kata beliau, bersembahyang 'Ashar dengan berjama'ah itu disaksikan oleh para malaikat malam dan siang yang akan bertukar giliran mereka pada masa itu. Kalaulah maksud terlepas itu semata-mata dengan menguningnya matahari atau terbenamnya matahari, niscaya ia tidak lagi khusus dengan

sembahyang 'Ashar sahaja. Sembahyang-sembahyang lain juga ada waktu makruh dan haramnya. Sembahyang-sembahyang yang lain juga ada penghujungnya. Kata Ibnu al-Munaiyyir, kalau begitu sabda Nabi s.a.w. ini tidak lagi khusus dengan waktu 'Ashar. Waktu Subuh juga disaksikan malaikat. Malah al-Qur'an sendiri ada menyebutnya. Allah berfirman:

أَقِمِ الصَّلَاةَ لِذِكْرِ الشَّمْسِ إِلَى غَسَقِ اللَّيْلِ وَقُرْآنَ الْفَجْرِ إِنَّ قُرْآنَ الْفَجْرِ كَانَ مَشْهُودًا ﴿١٨٠﴾

Bermaksud: Dirikanlah sembahyang dari sesudah matahari tergelincir sampai (waktu) gelap malam dan (dirikanlah pula sembahyang) Subuh. Sesungguhnya sembahyang subuh itu disaksikan (oleh malaikat). (Al-Israa':78). Pada waktu Subuh juga malaikat malam dan siang bertukar giliran. Rasulullah s.a.w. bersabda: *يَتَعَاقَبُونَ فِيكُمْ مَلَائِكَةُ اللَّيْلِ وَمَلَائِكَةُ النَّهَارِ وَيَجْتَمِعُونَ فِي صَلَاةِ الْعَصْرِ وَصَلَاةِ الْفَجْرِ ثُمَّ يَخْرُجُ الَّذِينَ بَاتُوا فِيكُمْ فَيَسْأَلُهُمْ وَهُوَ أَغْلَمُ بِهِمْ كَيْفَ تَرَكْتُمْ عِبَادِي فَيَقُولُونَ تَرَكْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ وَأَتَيْنَاهُمْ وَهُمْ يُصَلُّونَ*. Bermaksud: Malaikat malam dan malaikat siang bersilih ganti datang kepadamu. Mereka (bertemu dan) berkumpul pada waktu sembahyang 'Ashar dan sembahyang Subuh. Kemudian malaikat yang bermalam di kalanganmu naik. Lalu mereka ditanya Dia (Allah). Padahal Dia lebih mengetahui tentang mereka: "Bagaimana kamu tinggalkan hamba-hambaku?" Jawab para malaikat itu: "Kami tinggalkan mereka ketika mereka sedang bersembahyang dan datang (sampai) kepada mereka (juga) ketika mereka sedang bersembahyang. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Malik, Nasaa'i, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, Ahmad, Abu 'Awaanah dan Abu Ya'la). **Kemusykilan ketiga ialah apakah erti اثم** yang tersebut di dalam tajuk bab di atas? Ma'na asal perkataan اثم ialah dosa. Sama ada Bukhari telah memakainya dengan ma'na asalnya atau dengan ma'na majaaazinya, terdapat dua pendapat 'ulama' berhubung dengan perkara ini. Anda telah melihat sebelum ini, betapa kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari mengalami kesukaran dalam usaha mereka menyesuaikan ma'na asal perkataan اثم dengan tajuk bab 96 ini. Kerana hampir semua mereka menerima perbezaan tajuk bab ini tajuk bab selepasnya ialah tajuk bab ini berkaitan dengan orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dengan tidak sengaja. Tajuk bab selepas ini pula berkenaan dengan orang yang meninggalkan sembahyang 'Ashar dengan sengaja. Perkara yang mengeruhkan pemikiran mereka ialah kenapa orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dengan tidak sengaja itu berdosa? Ini adalah sesuatu yang bercanggah dengan ushul. Penyelesaian yang dikemukakan oleh penulis di bawah jawapan (d) di atas diharap dapat merungkakan kekusutan yang timbul itu in syaa' Allah. Pendapat kedua ialah perkataan اثم yang disebut Bukhari dalam tajuk bab ini tidak dipakai dengan ma'na asalnya. Sebaliknya ia dipakai dengan ma'na majaaazinya. Apakah pula ma'na majaaazinya? Jawab mereka, ma'na majaaazinya ialah الأسف الشديد (kesesalan yang amat sangat) dan سوء العاقبة (akibat buruk daripada perbuatan mereka). Orang yang terlepas sembahyang 'Ashar di akhirat nanti betul-betul menyesal, apabila ia melihat pahala orang yang mengikut sunnah Nabi s.a.w. dalam bersembahyang 'Ashar. Kerugian yang dirasainya akibat perbuatan itu bagaikan kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya. Perkataan اثم juga mengisyaratkan kepada kekesalan itu sesuatu yang akan menjadi kenyataan di akhirat nanti. Pada pendapat penulis, sebabnya golongan kedua ini memilih ma'na majaaazi bagi perkataan اثم ialah kerana kebuntuan mereka dalam menjernihkan kekeruhan tadi. Di bawah jawapan (d) yang telah dikemukakan di atas, penulis cuba menggabungkan ma'na asal اثم dan ma'na majaaazinya. Kedua-dua ma'na itu sebenarnya harus digabungkan untuk menarik maksud Bukhari di sebaliknya. Itulah juga sebabnya kenapa penulis menterjemahkan perkataan اثم itu dengan akibat di bawah tajuk bab di atas. **Berhubung dengan kemusykilan keempat** iaitu adakah orang yang terlepas sembahyang-sembahyang yang lain juga berdosa seperti orang yang terlepas sembahyang 'Ashar dan akan menerima akibat yang sama? Para 'ulama' juga berbeza pendapat tentang perkara ini. Hafiz Ibnu Hajar berkata, zahir hadits menunjukkan ancaman berat yang tersebut di dalam hadits di bawah bab ini khusus dengan orang yang terlepas sembahyang 'Ashar sahaja. Ibnu 'Adil Barr berpendapat, ada kemungkinan hadits di bawah bab ini disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai jawapan kepada soalan seseorang

tentang orang yang terlepas sembahyang 'Ashar. Ia tidak bererti menafikan ancaman berat itu daripada orang yang terlepas sembahyang-sembahyang yang lain. Imam an-Nawawi di dalam Syarah Muslim membantah pendapat Ibnu 'Adil Barr itu dengan katanya: وإنما يلحق غير المنصوص. Bermaksud: "Sesuatu yang tidak tersebut di dalam nas dengan terang, baru boleh dikiaskan dengan sesuatu yang tersebut di dalam nas dengan terang, apabila kita dapat pastikan 'illat (yang ada pada sesuatu yang tersebut di dalam nas dengan terang itu). Dan kedua-duanya pula berkongsi 'illat itu." Oleh kerana 'illat bagi ancaman berat kerana terlepas sembahyang itu tidak dapat dipastikan, maka tidak bolehlah sembahyang-sembahyang lain dikiaskan dengannya. Antara hujah Ibnu 'Adil Barr dalam bab ini ialah: (1) Hadits riwayat Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain daripada Abi ad-Dardaa' secara marfu'. Begini isnad dan lafaz matannya: حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ قَالَ أَخْبَرَنَا عُبَادُ بْنُ مَيْسَرَةَ الْمُنْقَرِيُّ عَنْ أَبِي قِلَابَةَ وَالحسن أَنَّهُمَا كَانَا جَالِسَيْنِ فَقَالَ أَبُو قِلَابَةَ قَالَ أَبُو الدَّرْدَاءِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَرَكَ صَلَاةً مَكْتُوبَةً حَتَّى تَقُوتَهُ مِنْ غَيْرِ غُرٍّ فَقَدْ خِطَّ عَمَلُهُ Bermaksud: "Sesiapa meninggalkan satu sembahyang fardhu sehingga ia terlepas tanpa sebarang keuzuran, terhapuslah amalannya." Hadits Abu ad-Dardaa' ini menyebutkan sembahyang fardhu secara umum. Ia tidak khusus dengan sembahyang 'Ashar. Tetapi isnad hadits ini putus. Kerana Abu Qilaabah tidak sempat mendengar apa-apa hadits daripada Abi ad-Dardaa'. Demikian kata Ibnu Rajab dan al-Qasthallaani. Selain itu ia juga dha'if kerana ada di dalam isنادnya 'Abbaad bin Maisarah atau 'Abbaad bin Raasyid al-Minqari. Bukhari, Ahmad, Yahya bin Sa'id al-Qatthaan, Yahya bin Ma'in, Nasaa'i, Abu Daud dan Ibnu Hibbaan menganggapnya dha'if. Imam Ahmad Sebaliknya meriwayatkan hadits Abi ad-Dardaa' berhubung dengan perkara ini dengan lafaz: حَدَّثَنَا سُرَيْجُ بْنُ النُّعْمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا عُبَادُ بْنُ رَاشِدٍ الْمُنْقَرِيُّ عَنْ الْحَسَنِ وَأَبِي قِلَابَةَ كَانَا جَالِسَيْنِ فَقَالَ أَبُو الدَّرْدَاءِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ تَرَكَ صَلَاةً مَكْتُوبَةً حَتَّى تَقُوتَهُ مِنْ غَيْرِ غُرٍّ فَقَدْ خِطَّ عَمَلُهُ Bermaksud: "Sesiapa meninggalkan sembahyang 'Ashar dengan sengaja sehingga ia terlepas, amalannya terhapus." Di dalamnya pula tersebut secara khusus sembahyang 'Ashar. Hadits ini hanya sahih li ghairih. Isnadnya sama juga dengan isناد Ibnu Abi Syaibah di atas. Kerana itu dengan isناد ini pada hakikatnya hadits itu dha'if. Malah dengan isناد yang sama Ibnu Abi Syaibah sendiri sebelum itu telah mengemukakan hadits Abi ad-Dardaa' dengan lafaz ini: مَنْ تَرَكَ الْعَصْرَ حَتَّى تَقُوتَهُ مِنْ غَيْرِ غُرٍّ فَقَدْ خِطَّ عَمَلُهُ Bermaksud: "Sesiapa meninggalkan sembahyang 'Ashar sehingga ia terlepas tanpa sebarang keuzuran, terhapuslah amalannya." Hadits ini juga menyebutkan secara khusus sembahyang 'Ashar. Kalau begitu hadits Abu ad-Dardaa' juga mengkhususkan sembahyang fardhu itu dengan sembahyang 'Ashar. (2) Hadits Naufal bin Mu'aawiah bahawa Nabi s.a.w. bersabda: مَنْ فَاتَتْهُ الصَّلَاةُ فَكَأَنَّمَا وُزِرَ أَهْلُهُ وَمَالُهُ Bermaksud: "Sesiapa terlepas sembahyang (fardhu), dia bagaikan kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya." (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Hibbaan dan Baihaqi). Zahir hadits ini menunjukkan sembahyang fardhu secara umum. (3) Menerusi saluran yang lain, 'Abdur Razzaaq meriwayatkan hadits Naufal bin Mu'aawiah dengan lafaz berikut: عبد الرزاق عن ابن أبي سبرة عن محمد بن عبد الرحمن عن نوفل بن معاوية عن أبيه قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesungguhnya seseorang daripada kamu kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya, itu lebih baik lagi daripada dia terlepas waktu sembahyang (fardhu)." Zahir hadits ini juga menunjukkan umum untuk semua sembahyang fardhu. Tetapi hadits yang mahfuz daripada Naufal bin Mu'aawiah seperti yang dikemukakan oleh Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain ialah dengan lafaz: حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ وَشَبَابَةُ قَالََا حَدَّثَنَا اللَّيْثُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ عِرَاكِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ نُوْفَلِ بْنِ مُعَاوِيَةَ بْنِ غُرَّةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مِنَ الصَّلَوَاتِ صَلَاةٌ مَنْ فَاتَتْهُ فَكَأَنَّمَا وُزِرَ أَهْلُهُ وَمَالُهُ قَالَ ابْنُ عُمرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Ada di antara sekian banyak sembahyang itu satu sembahyang. Orang yang terlepas sembahyang itu bagaikan kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya." Kata Ibnu 'Umar: Saya telah mendengar Nabi s.a.w. bersabda: "Sembahyang itu ialah sembahyang 'Ashar." (Hadits riwayat Ibnu Abi Syaibah). Hadits ini jelas menunjukkan bahawa hadits Naufal bin Mu'aawiah itu dikhususkan dengan sembahyang 'Ashar sahaja. Bukhari sendiri, Muslim, Thabaraani dan lain-lain juga

٥١٩ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
الَّذِي تَقْوُهُ صَلَاةُ الْعَصْرِ فَكَأَنَّمَا وَتَرَ أَهْلَهُ وَمَالَهُ. قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ { يَتَرَكُم } وَتَرَتْ الرَّجُلُ إِذَا قَتَلَتْ لَهُ قَتِيلًا أَوْ أَخَذَتْ لَهُ
مَالًا

519- 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Naafi' daripada 'Abdillah bin 'Umar, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Orang yang terlepas sembahyang 'Ashar, bagaikan telah kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya.⁹⁶³ Abu 'Abdillah (Bukhari) berkata: يَتَرَكُم ⁹⁶⁴ (Engkau

meriwayatkannya daripada Naufal bin Mu'aawiah dengan lafaz yang sama. Bahkan inilah lafaznya yang mahfuz. **Apakah hikmat di sebalik dikhususkan** sembahyang 'Ashar dengan ancaman berat seperti itu? Beberapa pandangan telah diberikan oleh para 'ulama' hadits. Antaranya ialah: (1) Sembahyang 'Ashar dikhususkan kerana kelebihannya dan kerana ia adalah satu sembahyang yang disaksikan para malaikat. (2) Sembahyang 'Ashar dikhususkan sebagai suatu galakan, dorongan dan desakan supaya ia dijaga dengan sebaik-baiknya dan kita mengerjakannya dengan tabah. Ini kerana pada umumnya manusia sibuk dan leka pada waktu itu. (3) Untuk menarik perhatian kepada sembahyang wustha yang disebut secara khusus di dalam al-Qur'an, bahawa ia adalah sembahyang 'Ashar. (4) Oleh kerana sembahyang 'Ashar adalah satu sembahyang yang sangat istimewa, Nabi s.a.w. membandingkan kerugian orang-orang yang terlepas sembahyang 'Ashar pada waktu afdhalnya saja pun dengan orang yang kehilangan ahli keluarga dan harta bendanya. Apa lagi kalau seseorang itu meninggalkannya dengan sengaja. (5) Pada waktu 'Ashar dan Subuhlah malaikat malam dan malaikat siang bersilih ganti datang ke bumi. Mereka bertemu dan berkumpul pada waktu sembahyang 'Ashar dan sembahyang Subuh. Sebabnya ancaman berat itu dikaitkan dengan orang yang terlepas sembahyang 'Ashar sahaja, tidak dengan orang yang terlepas sembahyang Subuh ialah kerana orang yang terlepas sembahyang Subuh itu ada juga keuzurannya. Seperti tidak sedar dari tidur dan sebagainya. Orang yang terlepas sembahyang 'Ashar pula terlepas dalam jaga, dalam keadaan tidak ada sebarang keuzuran. (6) Ancaman berat seperti itu dikhususkan dengan orang yang terlepas sembahyang 'Ashar kerana 'illat (sebab) yang tidak terjangkau oleh fikiran manusia biasa. (7) Kerana pada waktu itu manusia terlalu sibuk menyelesaikan urusan perniagaan dan sebagainya untuk menampung keperluan ahli keluarganya. (8) Waktu 'Ashar merupakan simbolik kepada penghujung kehidupan manusia. Ancaman berat terhadap orang-orang yang terlepas sembahyang 'Ashar sebenarnya merupakan peringatan kepada manusia yang sentiasa berada di ambang maut. Sepatutnya manusia itu tidak lupa akan tugas dan tanggungjawabnya terhadap Allah, terutama sekali apabila ia berada di penghujung kehidupannya.

⁹⁶³ Kenapakah hukuman berat di akhirat nanti terhadap orang yang terlepas sembahyang 'Ashar digambarkan Nabi s.a.w. berupa kehilangan ahli keluarga dan harta benda? Jawabnya ialah kerana dua perkara itulah pada umumnya yang menyebabkan seseorang terlepas sembahyang 'Ashar. Kesibukan menguruskan harta benda dan kelekaan dengan ahli keluarga. Mungkin juga Nabi s.a.w. bersabda begini supaya umatnya tidak terleka sehingga terlepas sembahyang 'Ashar, terutama pada waktu afdhalnya. Salah satu cara yang berkesan untuk seseorang menjaga dan memelihara sembahyang 'Asharnya dengan sebaik mungkin ialah dengan berfikir bahawa bagaimana kalau ahli keluargaku berkurang, dengan sebab kematian, kehilangan dan sebagainya? Bagaimana pula kalau harta bendaku menyusut, dengan sebab kerugian, kemusnahan dan sebagainya? Bukankah anda tidak suka keadaan itu berlaku kepada diri anda? Sebagaimana anda tidak mahu kehilangan ahli keluarga dan anak-pinak, tidak suka harta benda berkurang dan

berkata:) وَتَرْتُ الرَّجُلَ (aku telah membuatkan seseorang hidup sendirian dan tidak mempunyai apa-apa harta lagi) setelah engkau membunuh seseorang daripada ahli keluarga dan sahabatnya atau engkau mengambil harta bendanya.⁹⁶⁵

بَابُ مَنْ تَرَكَ الْعَصْرَ

97- Bab Orang Yang Meninggalkan Sembahyang 'Ashar.⁹⁶⁶

menyusut, begitulah seharusnya anda tidak suka kehilangan atau berkurangnya pahala sembahyang 'Ashar anda. Terlepasnya sembahyang 'Ashar, perlu diingat, seolah-olah kita kehilangan orang yang tersayang. Terlepasnya sembahyang 'Ashar, perlu diingat, seolah-olah kita kerugian harta benda yang dikasihi. Dengan berfikir begitu anda diharap tidak lagi akan cuai dan leka sehingga terlepas mengerjakan sembahyang 'Ashar dalam waktunya. Selain Bukhari, hadits ini diriwayatkan juga oleh Malik, Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan Tirmizi.

⁹⁶⁴ Oleh kerana di dalam hadits 519 terdapat perkataan وَتَرَ , Imam Bukhari terus teringat kepada apa yang tersebut di dalam Surah Muhammad, ayat:35: وَلَنْ يَتْرُكَكُمْ اللَّهُ بِمَعْلُومٍ Bermaksud: Dia (Allah) sekali-kali tidak akan mengurangi (pahala) amalan-amalanmu. Tujuannya ialah mengisytiharkan kepada kesamaan kerja (amal) dan erti kedua-duanya. Perkataan يَتْرُكُ yang tersebut di dalam ayat itu adalah fi'il mudhari' bagi تَرَ وَتَرًا وَتَرَةً. وَتَرَ bertindak menashabkan dua maf'ul. Perkataan يَتْرُكُ yang diberikan sebagai contoh oleh Bukhari di atas misalnya, menashabkan dua maf'ul. Maf'ul pertamanya ialah kaaf khithaab selepasnya. Maf'ul keduanya pula ialah أَعْلَلَكُمْ pada أَعْلَلَكُمْ selepas itu. Begitulah juga dengan perkataan وَتَرَ di dalam hadits di bawah bab ini. Ia juga muta'addi kepada dua maf'ul. Oleh kerana ia telah digunakan dalam bentuk binaa' majhul, maka maf'ul pertamanya berupa dhamir yang tersembunyi di dalamnya ditukar menjadi na'ib faa'il kepadanya. Maf'ul keduanya pula ialah perkataan أَهْلَكَ selepasnya. Antara erti تَرَ وَتَرًا وَتَرَةً yang muta'addi kepada dua maf'ul ialah mengurangkan, menghilangkan, melenyapkan, merampas dan sebagainya.

⁹⁶⁵ Tujuan Bukhari mengemukakan contoh kedua, iaitu وَتَرْتُ الرَّجُلَ ialah untuk mengisytiharkan kepada perkataan وَتَرَ يَتْرُكُ itu adakalanya menashabkan satu maf'ul sahaja. Sebab itu berdasarkan sesetengah riwayat perkataan أَهْلَكَ وَمَالَهُ selepasnya dibaca dengan rafa' أَهْلَكَ وَمَالَهُ sebagai na'ib faa'il kepadanya. Bagaimanapun jumhur 'ulama' mentarjihkan riwayat yang sahih dan masyhur dengan nashab أَهْلَكَ sebagai maf'ul kedua bagi وَتَرَ. Antara erti تَرَ yang muta'addi kepada satu maf'ul ialah mengambil, menarik, membunuh, menakutkan, menjadikan seseorang hidup sendirian dan lain-lain.

⁹⁶⁶ Berdasarkan nuskah Sahih Bukhari yang dipakai Hafiz al-'Aini, tajuk bab ini adalah begini: باب إثم من ترك العصر (Bab Dosa Orang Yang Meninggalkan Sembahyang 'Ashar). Di dalamnya ada tambahan perkataan إثم. Para pensyarah Sahih Bukhari berbeza pendapat tentang maksud tajuk bab yang diadakan Bukhari ini. Mereka terbahagi kepada beberapa kumpulan. (1) Ada yang menganggap tajuk bab ini adalah satu tajuk bab yang tidak diperlukan (زائد). Hadits di bawahnya sesuai juga diletakkan di bawah tajuk bab sebelumnya. Kerana boleh termasuk dalam kata orang yang terlepas sembahyang 'Ashar itu segala bentuk terlepas. Seperti terlepas terus waktu sembahyang 'Ashar, terlepas waktu afdhalnya, terlepas dengan sengaja dan terlepas dengan tidak sengaja. Terlepas daripada bersembahyang 'Ashar secara berjamaah dan sebagainya. Meninggalkan sembahyang 'Ashar dengan sengaja termasuk dalam salah satu bentuk terlepas juga. Kalau begitu apa gunanya dibuat satu tajuk bab khusus untuknya? Di samping itu tajuk bab sebelum ini juga berkenaan dengan ancaman berat terhadap orang yang meninggalkan

520- Muslim bin Ibrahim (al-Faraahidi al-Azdi al-Bashri) meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam (bin `Abdillah ad-Dastawaa'i) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Abi Katsir meriwayatkan kepada kami daripada Abi Qilabah (`Abdillah bin Zaid) daripada Abi al-Malih (`Aamir bin Usaamah al-Huzali m.98H), katanya: "Kami pernah bersama Buraidah (bin al-Hashib al-Aslami)<sup>967</sup> dalam satu peperangan pada suatu hari mendung. Maka kata Buraidah: "Segerakan sembahyang `Ashar,⁹⁶⁸ kerana Nabi s.a.w. bersabda: "Sesiapa meninggalkan sembahyang `Ashar, terhapuslah amalannya."⁹⁶⁹

⁹⁶⁹ Zahir hadits-hadits seperti ini dijadikan dalil oleh golongan Khawarij dan sesetengah Mu'tazilah tentang kafirnya orang yang melakukan dosa besar. Kata mereka, tidak ada yang menghapuskan amalan seseorang melainkan kekufuran. Hadits ini sama dengan firman Allah berikut:

762

Bermaksud: ... Sesiapa yang kafir sesudah beriman, maka sesungguhnya terhapuslah amalannya (yang baik) dan ia di hari akhirat kelak termasuk orang-orang yang rugi. (al-Maa'idah:5). Kata Ibnu 'Abdil Barr, mafhum ayat ini ialah orang yang tidak kafir sesudah beriman, amalannya tidak terhapus. Sekarang mafhum ayat dan manthuh hadits sudah nampak bercanggah. Maka semestinyalah dita'wilkan hadits itu. Kerana jalan jama' (memakai kedua-dua dalil sesuai dengan kehendak masing-masing) lebih baik dipilih daripada jalan tarjih (mengutamakan salah satu daripada dua dalil yang bertentangan), selagi ia (jalan jama' itu) boleh dipakai. Zahir hadits-hadits seperti ini juga dijadikan pegangan oleh golongan Hanaabilah dan orang-orang yang sependapat dengan mereka tentang kufur orang yang meninggalkan sembahyang. Kalau pegangan mereka benar, apa ertinya hadits itu dikhususkan dengan sembahyang 'Ashar sahaja? Jumhur 'ulama' menta'wil hadits ini. Dalam usaha menta'wilkannya mereka terbahagi kepada beberapa kumpulan. (1) Mereka yang menta'wilkan sebab meninggalkan sembahyang 'Ashar. (2) Orang-orang yang menta'wilkan ma'na terhapus yang tersebut di dalam hadits itu. (3) Mereka yang menta'wilkan ma'na amalan yang tersebut di dalamnya. Golongan (1) berpendapat, sebabnya amalan orang yang meninggalkan sembahyang 'Ashar itu terhapus ialah kerana adanya salah satu daripada perkara-perkara berikut: (a) Meninggalkan sembahyang dengan menafikan kefardhuannya. Apabila seseorang menafikan sesuatu yang fardhu sebagai tidak fardhu, pada ketika itu ia menjadi murtad. والعياذ بالله. Apabila seseorang menjadi murtad, terhapuslah amalan kebbaikannya yang lalu. Tetapi kalau seseorang itu meninggalkan sembahyang fardhu misalnya dalam keadaan tidak menafikan kefardhuannya, ia tidak jadi murtad. Maka amalannya tidak terhapus. Jadi terhapusnya amalan itu bukan semata-mata kerana meninggalkan sembahyang itu sendiri, tetapi kerana jadi murtad. Jadi murtadlah sebenarnya yang menyebabkan amalan seseorang itu terhapus. (b) Meninggalkan sembahyang bukan dengan menafikan kefardhuannya, tetapi tetap memandang ringan terhadapnya atau memperolok-olokkan orang yang bersembahyang. Orang-orang yang termasuk dalam bahagian (b) ini juga tidak terhapus amalannya semata-mata kerana meninggalkan sembahyang. Malah perkara yang menyebabkan amalannya terhapus ialah kerana ia telah menjadi murtad. (c) Meninggalkan sembahyang kerana malas semata-mata. Sabda Nabi s.a.w. bahawa orang yang meninggalkan sembahyang 'Ashar itu terhapus amalannya, tidak lebih daripada satu ancaman semata-mata. Zahirnya tidaklah dimaksudkan. Keadaannya lebih kurang sama dengan sabda Baginda berikut: لا يزني الزاني وهو مؤمن. Bermaksud: "Orang yang berzina itu tidak berzina dalam keadaan dia seorang mu'min." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim dan lain-lain). Tujuannya juga adalah ancaman dan zahirnya tidak dimaksudkan. Kalau zahirnya dimaksudkan, niscaya bolehlah dikatakan orang yang berzina tidak mu'min lagi. Ia bahkan telah menjadi kafir! Itulah yang dikatakan: Zahirnya tidak dimaksudkan. Malah yang dimaksudkan ialah menafikan sifat mu'min yang sempurna. Golongan (2) ialah orang-orang yang menta'wilkan ma'na terhapus yang tersebut di dalam hadits itu. Mereka menta'wilkannya dengan beberapa ta'wilan berikut: (a) Penggunaan perkataan terhapus itu adalah dalam bentuk التشبيه مجاز. Seolah-olahnya Baginda s.a.w. bersabda: فقد أشبه من حبط عمله (bererti dia telah menyerupai orang yang terhapus amalannya). (b) Ma'na حبط عمله yang tersebut di dalam hadits di atas ialah كاد أن يحبط (hampir-hampir amalannya terhapus). (c) Maksud حبط عمله ialah amalan seseorang yang meninggalkan sembahyang 'Ashar itu diangkat kepada Allah pada waktu diangkat amalan manusia kepadaNya dalam keadaan kurang dan tidak sempurna. (d) Maksud حبط عمله ialah amalan seseorang yang meninggalkan sembahyang 'Ashar itu tidak akan berguna seketika. Walaupun kemudiannya ia berguna juga kepadanya. Keadaannya tak ubah seperti orang yang kejahatannya lebih banyak daripada kebbaikannya. Orang seperti ini mungkin disiksa terlebih dahulu, kemudian barulah amalan kebbaikannya berguna kepadanya. Mungkin juga ia diampuni Allah. Sebelum diampuni Allah, tetapi ia tidak mendapat apa-apa menafa'at daripada amalan kebbaikannya. Golongan (3) ialah mereka yang menta'wilkan ma'na amalan yang tersebut di

dalam hadits di atas. Amalan yang dikatakan terhapus itu sama ada: (i) Sembahyang 'Ashar yang ditinggalkan itu sendiri. (a) Dengan erti seseorang tidak akan mendapat pahala istimewa yang diperolehi orang yang mengerjakannya dalam waktu. Meskipun ia mengqadha'nya. (b) Seseorang tidak akan mendapat pahala sembahyang yang paling istimewa, jika dia meninggalkan sembahyang 'Ashar. Meskipun dia mengerjakan sembahyang-sembahyang fardhu yang lain. (c) Pahala bersembahyang 'Ashar pada waktu afdhalnya berbeza daripada pahala mengerjakannya selepas waktu itu. Orang yang menunaikan sembahyang 'Ashar selepas waktu afdhalnya tidak akan mendapat pahala seperti orang yang bersembahyang 'Ashar pada waktu afdhalnya. (ii) Amalan yang dilakukan seseorang sehingga ia meninggalkan sembahyang 'Ashar. (a) Pahala amalan itu tidak akan diperolehinya. Walaupun ia juga merupakan amalan kebaikan. (b) Amalan atau kerja yang dibuat seseorang sampai ia meninggalkan sembahyang 'Ashar itu tidak diberkati Allah. **Antara pengajaran, panduan dan pedoman** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Kelebihan menyegerakan sembahyang 'Ashar dengan mengerjakannya pada waktu afdhalnya iaitu sebelum matahari menguning. (2) Para sahabat sangat menjaga pesanan Rasulullah s.a.w. (3) Perjuangan Islam sama ada dalam bentuk jihad atau lain-lain, terus berjalan walaupun setelah Rasulullah s.a.w. wafat. (4) Akibat buruk yang akan diterima orang yang meninggalkan sembahyang 'Ashar secara khususnya. (5) Ma'na yang zahir daripada sabda Rasulullah s.a.w. kadang-kadang tidak dimaksudkan. Ini kerana Rasulullah s.a.w. sering juga bercakap menggunakan bahasa kiasan. (6) Keberkatan daripada sesuatu amalan kebaikan sering kali berkait rapat dengan amalan-amalan kebaikan yang lain. (7) Pahala bagi amalan yang tertentu tidak sama. Bahkan adakalanya sesuatu amalan itu berpahala, adakalanya pula tidak. (8) Ingat! Kita mungkin tidak mendapat apa-apa pahala daripada sesuatu amalan yang dibuat, sekiranya amalan tertentu tidak dijaga terlebih dahulu. (9) Banyak juga sabda Rasulullah s.a.w. itu perlu dita'wil, kerana bercanggah dengan usul-usul yang juga berpunca daripada sabda Baginda s.a.w. Untuk mengetahui usul-usul itu anda mestilah meruju' kepada orang-orang yang ahli di bidang agama. (10) Sunnah yang paling kuat ialah yang berdasarkan kepada fi'il (perbuatan) dan qaul (kata-kata) Baginda berupa arahan dan perintah. Selain Bukhari hadits ini diriwayatkan juga oleh Nasaa'i, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Majah dan Ibnu Hibbaan.

بَابُ فَضْلِ صَلَاةِ الْعَصْرِ

98- Bab Kelebihan Sembahyang `Ashar.⁹⁷⁰

⁹⁷⁰ Pensyarah-pensyarah Sahih Bukhari berasa musykil dengan tajuk bab yang dibuat Bukhari ini. Kata mereka, hadits yang dikemukakan Bukhari di bawah tajuk bab ini ialah tentang kelebihan kedua-dua sembahyang Subuh dan `Ashar. Kenapa pula Bukhari mengkhususkannya dengan sembahyang `Ashar sahaja? Itulah sebabnya Hafiz Ibnu Hajar mentaqdirkan tajuk bab ini dengan kata beliau: باب فضل صلاة العصر أي على جميع الصلوات إلا الصبح (Bab kelebihan sembahyang `Ashar. Maksudnya ialah daripada sekalian sembahyang-sembahyang yang lain kecuali Subuh). Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Sebabnya saya mentaqdirkan begitu ialah kerana tidak jelas lebihnya sembahyang `Ashar daripada sembahyang Subuh. Boleh jadi juga Bukhari bermaksud menyatakan sembahyang `Ashar itu ada fadhilatnya (kelebihannya), bukanlah maksud beliau menyatakan sembahyang `Ashar itu adalah yang paling afdhal." Al-'Aini berkata: "Kalau Bukhari membuat bab di atas begini; باب فضل الصلاة الفجر والعصر, niscaya lebih baik. Kerana yang tersebut di dalam hadits dan ayat yang dibaca Nabi s.a.w. di dalamnya ialah sembahyang Subuh dan `Ashar, kedua-duanya sekali." Al-'Aini juga mengkritik taqdir yang dibuat Hafiz Ibnu Hajar tadi. Kata beliau, tidak tepat mentaqdirkan begitu. Kerana semua sembahyang ada kelebihannya. Paling-paling pun sembahyang Subuh dan `Ashar itu melebihi sembahyang-sembahyang yang lain. Bukhari menyebutkan sembahyang `Ashar sahaja di dalam tajuk bab yang dibuatnya itu semata-mata kerana memakai qaedah iktifaa' (berpada dengan apa yang telah disebut sahaja). Sepertimana Allah sendiri menggunakannya di dalam firmanNya ini:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُمْ مِمَّا خَلَقَ ظِلَالًا وَجَعَلَ لَكُمْ مِنَ الْجِبَالِ أَكْنَسًا وَجَعَلَ لَكُمْ سَرَبِيلَ تَقِيكُمْ وَالْحَرَّ وَسَرَبِيلَ تَقِيكُمْ بَأْسَكُمْ كَذَلِكَ يُتِمُّ
يَعْمَلُهُ عَلَيْكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْلِمُونَ ﴿٥٠﴾

Bermaksud: dan Allah menjadikan bagimu tempat bernaung dari apa yang telah Dia ciptakan, dan Dia jadikan bagimu tempat-tempat tinggal di gunung-gunung, dan Dia jadikan bagimu pakaian yang memelihara kamu dari panas dan pakaian (baju besi) yang memelihara kamu dalam peperangan. Demikianlah Allah menyempurnakan nikmat-Nya atasmu agar kamu berserah diri (kepada-Nya). (an-Nahl:81). Selepas سَرَبِيلَ تَقِيكُمْ الْحَرَّ seharusnya ditaqdirkan الْبَرْدَ. Kerana bukannya Allah juga menjadikan pakaian untuk memelihara manusia daripada kesejukan? Menyebutkan pakaian yang memelihara manusia daripada kepanasan sahaja sebagai ni`mat Allah, tidak lebih daripada beriktifaa' atau berpada dengan apa yang telah disebutkan semata-mata. Syeikhul hadits, Maulana Muhammad Zakariya berpendapat, di bawah dua bab sebelum ini, Bukhari telah mengemukakan dua hadits yang mengandungi ancaman terhadap orang-orang yang terlepas sembahyang `Ashar dan orang-orang yang meninggalkannya dengan sengaja. Para `ulama' pula berbeda pendapat tentang adakah ancaman itu khusus dengan sembahyang `Ashar atau ia merangkumi sembahyang-sembahyang yang lain juga? Mana satu di antara dua pendapat itu yang lebih tepat? Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari bermaksud mentarjih pendapat golongan yang mengatakan ancaman itu khusus dengan sembahyang `Ashar. Alasannya ialah kerana sembahyang `Ashar itu ada keistimewaan yang tersendiri. Keistimewaan sembahyang `Ashar itulah yang hendak dikemukakan beliau menerusi bab 98 ini. Bagi penulis, Imam Bukhari sebenarnya hendak menyatakan fadhilat sembahyang Subuh dan `Ashar itu melebihi fadhilat sembahyang-sembahyang yang lain. Sekarang beliau hendak menyatakan secara berasingan fadhilat sembahyang `Ashar. Untuk itu beliau kemukakan hadits Jarir. Nanti beliau akan kemukakan sekali lagi hadits Jarir ini apabila hendak menyatakan fadhilat sembahyang Subuh pula secara berasingan. Sedangkan untuk sembahyang-sembahyang yang lain, tidak beliau adakan

٥٢١- حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ قَالَ حَدَّثَنَا مَرْوَانُ بْنُ مُعَاوِيَةَ قَالَ حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ عَنْ قَيْسٍ عَنْ جَرِيرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَنَظَّرَ إِلَى الْقَمَرِ لَيْلَةً فَقَالَ إِنَّكُمْ سَتَرَوْنَ رَبَّكُمْ كَمَا تَرَوْنَ هَذَا الْقَمَرَ لَا تُضَامُونَ فِي رُؤْيَيْهِ فَإِنْ اسْتَطَعْتُمْ أَنْ لَا تُغْلِبُوا عَلَى صَلَاةٍ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا فافْعَلُوا ثُمَّ قَرَأَ {وَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ الْغُرُوبِ} قَالَ إِسْمَاعِيلُ افْعَلُوا لَا تَقُوتَنَّكُمْ

521- Al-Humaidi (‘Abdullah bin az-Zubair al-Qurasyi al-Makki m.219H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Marwan bin Mu’awiyah (bin al-Haarits al-Fazaari m.193H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Isma’il (bin Abi Khalid) meriwayatkan kepada kami daripada Qais (bin Abi Haazim al-Bajali al-Kufi m.84H) daripada Jarir bin ‘Abdillah (al-Bajali), katanya: “Pernah pada suatu malam kami berada di samping Nabi s.a.w. Beliau s.a.w. melihat bulan (purnama) seraya bersabda: “Sesungguhnya kamu akan (dapat) melihat Tuhanmu sebagaimana kamu melihat bulan ini.”⁹⁷¹ Kamu tidak akan

bab khusus untuk menyatakan fadhilatnya. Tetapi itu tidaklah bererti sembahyang-sembahyang yang lain langsung tidak mempunyai fadhilat. Siyaaq hadits Jarir di atas mengisyaratkan bahawa sememangnya ada kaitan yang rapat di antara orang-orang yang menjaga sembahyang Subuh dan ‘Ashar dengan keistimewaan melihat Allah di akhirat nanti.

⁹⁷¹ Ini adalah salah satu nas yang terang dan dalil berupa hadits yang menjadi pegangan golongan Ahli as-Sunnah wa al-Jama’ah tentang orang-orang mu’min akan dapat melihat Allah di akhirat nanti dengan mata kepalanya. Banyak lagi terdapat hadits-hadits lain berhubung dengan perkara ini. Sebahagiannya telah dikemukakan oleh Imam Bukhari sendiri di dalam Kitab at-Tauhid di akhir Kitab Sahihnya ini. Percaya bahawa Allah akan dapat dilihat oleh orang-orang mu’min di akhirat nanti dengan mata kepalanya merupakan salah satu perkara yang telah diijma’kan oleh as-Salaf as-Saleh dari kalangan sahabat dan tabi’in r.a. Lebih tiga puluh orang sahabat telah meriwayatkan hadits-hadits ru’yah (hadits-hadits tentang orang-orang mu’min akan dapat melihat Allah di akhirat nanti). Antara mereka ialah Abu Bakar, ‘Ali bin Abi Thalib, Mu’aaz bin Jabal, Ibnu Mas’ud, Abu Musa al-Asy’ari, Ibnu ‘Abbaas, Ibnu ‘Umar, Huzaifah, Abu Umaamah, Abu Hurairah, Jaabir, Anas, ‘Ammar, Zaid bin Tsabit, ‘Ubaadah bin as-Shamit, Bilal bin Rabaah, Buraidah bin al-Hashib, Shuhaib, Junaadah bin Abi Umaiyah, Fadhaalah bin ‘Ubaid, ‘Adi bin Haatim, Abu Sa’id al-Khudri, ‘Umaarah bin Ruaibah, Abu Razin al-‘Uqaili, Abu Barzah dan lain-lain. Hakikatnya hadits-hadits ru’yah telah mencapai tahap mutawatir al-ma’na atau tawatur al-qadri al-musytarak (hadits yang ma’nanya mutawatir). **Namun begitu golongan Mu’tazilah, Khawaarij, Murji’ah, Jahmiyyah, Syi’ah dan lain-lain penganut ajaran sesat yang terpesong daripada landasan sebenar telah mempertikaikan dan menolak kepercayaan tersebut. Alasan mereka ialah ia bercanggah dengan keterangan al-Qur’an dan kenyataan. Berikut dikemukakan beberapa alasan dan hujah golongan yang menolak kepercayaan itu, disusuli hujah-hujah bantahan terhadapnya. (1) Kata mereka, kepercayaan ini bercanggah dengan firman Allah s.w.t. di dalam Surah al-An’aam, ayat 103 di bawah ini:**

لَا تُدْرِكُهُ الْأَبْصَارُ وَهُوَ يُدْرِكُ الْأَبْصَارَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: Dia tidak dapat dicapai dan diliputi oleh penglihatan mata, sedang Dia dapat melihat (dan mengetahui hakikat) segala penglihatan (mata), Dialah Yang Maha Halus lagi Maha mendalam pengetahuanNya. (al-An'aam:103). Apabila Allah menafikan Dia dapat dicapai oleh penglihatan mata, bererti Dia tidak dapat dilihat. (2) Ia juga bercanggah dengan firman Allah di dalam Surah al-A'raaf, ayat 143 di bawah ini:

وَلَمَّا جَاءَ مُوسَىٰ لِمِيقَاتِنَا وَكَلَّمَهُ رَبُّهُ قَالَ رَبِّ أَرِنِي أَنظُرَ إِلَيْكَ ۚ قَالَ لَنْ نَرْنِي وَلَكِنِ أَنْظُرْ إِلَى الْجَبَلِ فَإِنِ اسْتَقَرَّ مَكَانَهُ فَسَوْفَ تَرَانِي ۚ فَلَمَّا تَجَلَّىٰ رَبُّهُ لِلْجَبَلِ جَعَلَهُ دَكًّا وَخَرَّ مُوسَىٰ صَعِقًا ۚ فَلَمَّا أَفَاقَ قَالَ سُبْحَانَكَ تُبْتُ إِلَيْكَ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٤٣﴾

Bermaksud: dan ketika Nabi Musa datang pada waktu yang Kami telah tentukan itu, dan Tuhannya berkata-kata dengannya, maka Nabi Musa (merayu dengan) berkata: “Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku (zatMu Yang Maha Suci) supaya aku dapat melihatMu”. Allah berfirman: “Engkau tidak sekali-kali akan sanggup melihatKu, tetapi pandanglah ke gunung itu, maka kalau ia tetap berada di tempatnya, niscaya engkau akan dapat melihatKu”. Setelah Tuhannya menzahirkan kebesaranNya kepada gunung itu, ia membuatnya hancur lebur dan Nabi Musa pun jatuh pengsan. Setelah ia sedar semula, berkatalah ia: “Maha suci Engkau (wahai Tuhanku), Aku bertaubat kepadaMu, dan akulah orang yang pertama-tama beriman.” (Al-A'raaf:143). Ayat ini juga kata mereka, jelas menunjukkan ketidakmampuan manusia melihat Allah. Kalau Nabi Musa pun tidak dapat dan tidak mampu melihat Allah berdasarkan ayat ini, orang-orang lain lebih-lebih lagilah tidak dapat dan tidak mampu. Selain itu perkataan لَنْ sebelum تراني menjadikan penafian kemampuan manusia melihat Allah itu buat selama-lamanya. Lihatlah sebagai buktinya firman Allah di dalam Surah al-Fath, ayat 15 berikut ini: قُلْ لَنْ تَتَّبِعُونَا كَذَلِكُمْ قَالَ اللَّهُ مِنْ قَبْلُ Bermaksud: Katakanlah: “Kamu sekali-kali tidak akan mengikuti kami; demikian Allah telah menetapkan sebelumnya”. (3) Firman Allah di dalam Surah asy-Syura, ayat 51 berikut juga menurut mereka bercanggah dengan kepercayaan itu:

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَكْلِمَهُ اللَّهُ إِلَّا وَحْيًا أَوْ مِنْ وَرَآيِ حِجَابٍ أَوْ يُرْسِلَ رَسُولًا فَيُوحِيَ بَأْذَنِهِ ۚ إِنَّهُمْ عَلَىٰ حَكِيمٍ ﴿٥١﴾

Bermaksud: Dan tidak mungkin bagi seseorang manusia bahawa Allah berkata-kata dengannya kecuali dengan perantaraan wahyu (dengan diberi ilham atau mimpi), atau dari belakang tabir (dengan mendengar sahaja kalam Ilahi tanpa melihatNya), atau dengan mengutus utusan (malaikat), lalu utusan itu menyampaikan wahyu kepadanya dengan izin Allah akan apa yang dikehendakiNya. Sesungguhnya Dia (Allah) Maha Tinggi lagi Maha Bijaksana. (As-Syura:51). Ayat ini menyatakan percakapan Allah dengan seseorang manusia walaupun ada hanyalah dengan keadaan zat Allah itu sendiri tidak kelihatan kepadanya. Apabila terbukti ketika bercakap-cakap dengan Allah itu nabiNya sendiri pun tidak dapat melihatNya. Pada ketika tidak bercakap-cakap, lebih-lebih lagilah ia tidak dapat melihatNya. Selain itu tidak ada siapa pun berpendapat, ketika tidak bercakap-cakap itu ia dapat pula melihatNya. (4) Di dalam al-Qur'an, bila saja disebutkan permintaan orang-orang kafir kepada nabi-nabi untuk melihat Allah secara terang-terangan, akan disebut juga celaan Allah terhadap mereka. Bukan sekadar itu saja, malah mereka terus ditimpakan azab. Lihat sebagai contohnya ayat 55 Surah al-Baqarah ini:

وَإِذْ قُلْتُمْ يَمْوِسُ لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَرَىٰ اللَّهَ جَهْرَةً فَأَخَذَتْكُمُ الصَّاعِقَةُ وَأُنْشِرُ تَنْظُرُونَ ﴿٥٥﴾

Bermaksud: dan (ingatlah), ketika kamu berkata: “Wahai Musa! Kami tidak akan beriman kepadamu sehingga kami dapat melihat Allah secara terang-terangan (dengan mata kepala kami)”. Maka kerana itu kamu disambar petir, sedang kamu semua melihatnya. (al-Baqarah:55). (5) Manusia hanya dapat melihat apabila ada enam syarat berikut: (a) Kesejahteraan deria penglihatan. (b) Sesuatu yang dapat dilihat (المرئيات). (c) Sesuatu yang dilihat itu berada di hadapan orang yang melihat. (d) atau ia seperti berada di hadapannya. (e) Sesuatu yang dilihat tidak terlalu dekat dan tidak terlalu jauh daripada orang yang melihat. (f) Ia tidak terlalu kecil, halus atau seni. (g) Tidak ada halangan atau dinding di antara sesuatu yang dilihat dan orang yang melihat. (6) Kalau Allah itu memang dapat dilihat dengan mata kepala, tentulah kita semua dapat melihatNya

di dunia ini atau sekurang-kurangnya Ia telah dapat dilihat oleh manusia-manusia tertentu. (7) Allah kalau dapat dilihat pun di akhirat nanti, bukanlah dengan mata kepala. Tetapi hanya dengan mata hati.

Bantahan pihak Ahli as-Sunnah terhadap hujah (1) ialah yang dinafikan oleh Allah melalui ayat 103 Surah al-An`aam itu ialah melihat dengan mata kasar secara meliputi (الإدراك) sehingga dapat mengetahui hakikat Allah. Adapun semata-mata melihat, itu tidak dinafikan. Menafikan idraak bererti menafikan sesuatu yang lebih khusus (الأخص), tidak semestinya bererti (لا يستلزم) menafikan ru'yah yang lebih umum (الأعم) daripadanya. Antara contohnya di dalam al-Qur'an ialah firman Allah ini:

قُلْنَا تَرَاهُ الْجَمْعَانِ قَالَ أَصْحَابُ مُوسَى إِنَّا لَمُدْرِكُونَ ﴿٦١﴾ قَالَ كَلَّا إِنَّ مَعِيَ رَبِّي سَيَهْدِينِ ﴿٦٢﴾

Bermaksud: Setelah kedua-dua kumpulan itu nampak satu sama lain, berkatalah pengikut-pengikut Nabi Musa: "Sesungguhnya kita benar-benar akan ditangkap". (61). Nabi Musa menjawab: "Sekali-kali tidak! (kita tidak akan ditangkap!). Sesungguhnya Tuhanku besertaku, Dia akan menunjuk jalan kepadaku". (62). (asy-Syu'araa':61-62). Lihat! Walaupun kedua-dua kumpulan itu telah nampak satu sama lain. Dengan erti telah pun ada ru'yah. Tetapi idraak (perihal menguasai) tidak ada. Ia dinafikan. Dalam contoh yang lebih mudah, apabila seseorang bertanya kita: Adakah anda nampak langit? Bukankah dengan mudah saja kita berkata: "Ya, nampak". Tetapi adakah nampak kita itu meliputi? Tentu sekali jawabnya tidak. Memang nampak. Tetapi sekadar yang kelihatan kepada mata kita sahaja. Sekadar yang mampu dilihatnya! Jadi semata-mata melihat itu tidak dinafikan. Yang dinafikan hanyalah melihat secara meliputi. Selain itu yang dinafikan oleh ayat berkenaan ialah dapat melihat di dunia ini. Ia tidak menafikan dapat melihat di hari kiamat dan di akhirat kelak.

Bantahan pihak Ahli as-Sunnah terhadap hujah (2) ialah penafian Allah dengan firmanNya لَنْ تَرَانِي itu hanya untuk di dunia ini sahaja. Ia tiada kena mengena dengan di akhirat. Mengatakan لَنْ تَرَانِي menjadikan penafian kemampuan manusia melihat Allah itu buat selama-lamanya hingga ke akhirat, kerana ia digunakan untuk menafikan sesuatu buat selama-lamanya (لنفي على التأييد), adalah tidak benar. Dalilnya ialah firman Allah berikut:

وَلَنْ يَتَمَنَّوهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالِمِينَ ﴿٩٥﴾

Bermaksud: dan mereka sekali-kali tidak akan mencita-citakan kematian itu selama-lamanya, dengan sebab dosa-dosa yang telah mereka lakukan; dan Allah Maha mengetahui tentang orang-orang yang zalim. (al-Baqarah:95). Di dalam ayat ini mereka dikatakan sekali-kali tidak akan mencita-citakan kematian buat selama-lamanya. Digunakan لَنْ juga sebelum يتمنوه, kemudian disokong pula dengan perkataan أَبَدًا yang memang memberi erti selama-lamanya. Padahal bukannya mereka itu mahu sangat mati di akhirat nanti? Lihat firman Allah ini:

وَنَادَوْا بِمَمْلِكٍ لِّيَقْضِيَ عَلَيْنَا رَبُّكَ ۚ قَالَ إِنَّكُمْ مَكِيدُونَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: dan mereka menyeru (ketua malaikat penjaga neraka dengan berkata): "Wahai Malik! Biarlah hendaknya Tuhanmu mematikan kami (kerana kami tidak tahan menderita)!" Malik menjawab: "Sesungguhnya kamu tetap akan kekal dalam azab!" (az-Zukhruf:77). Di mana penafian buat selama-lamanya itu?? Kalaulah لَنْ dalam bahasa `Arab benar-benar digunakan semata-mata untuk menafikan sesuatu buat selama-lamanya (لنفي على التأييد), maka kenapa fi'il selepasnya boleh terhad pula dengan sesuatu yang lain? Sebagai contohnya lihat firman Allah berikut:

فَلَنْ أُنْزَلَ الْأَرْضَ حَتَّى يَأْذَنَ لِي لَأَيُّ أَوْ يَحْكُمَ اللَّهُ لِي ۖ وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ ﴿٨٠﴾

Bermaksud: ... Oleh itu aku tidak akan meninggalkan negeri (Mesir) ini, sehingga ayahku mengizinkan kepadaku (untuk kembali), atau Allah memberi keputusan kepadaku. Dan Dia adalah hakim yang sebaik-baiknya. (Yusuf:80). Kenapa ada pula sehingga selepas dikatakan "aku tidak akan meninggalkan negeri (Mesir) ini", jika لَنْ betul-betul memberi erti menafikan sesuatu